

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : **TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]**

SOALAN : Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senarai jenis-jenis barang makanan dan barang keperluan utama yang lain yang memerlukan Permit Import (approved permits) dan pemegang-pemegang permit import bagi import barang makanan seharian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Tidak semua komoditi makanan mentah seperti sayur-sayuran dan buah-buahan memerlukan kuota/ kebenaran mengimport. Berikut merupakan senarai komoditi makanan mentah yang memerlukan kuota/ kebenaran mengimport, iaitu:

- (i) Kubis bulat;
- (ii) Kelapa tua biji;
- (iii) Biji kopi mentah;
- (iv) Susu cair segar dan UHT;
- (v) Produk haiwan (Keratan ayam, ayam bulat (super), daging babi dan *suckling pig*, daging dan offal lembu, kerbau, kambing dan bebiri); dan
- (vi) Haiwan hidup (lembu, kerbau, kambing dan bebiri).

Manakala bagi komoditi-komoditi lain, kuota/kebenaran mengimport adalah tidak diperlukan tetapi hanya memerlukan permohonan Permit Import di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).